



Rujukan Kami : KPM. 600-8/20/2 Jld. 6 (18)
Tarikh : 19 Ogos 2024

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri
Seperti Senarai Edaran

(u.p : Sektor Sumber Teknologi Pendidikan)

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu Dr./YBrs. Dr/ Tuan,

**PENCALONAN PERTANDINGAN TV PSS SEMPENA FESTIVAL TV PSS
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pendidikan Malaysia melalui jalinan perkongsian pintar dengan Sinar Bestari akan menganjurkan Festival TV PSS bagi tahun 2024.

3. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu Dr./YBrs. Dr/ Tuan, dimohon untuk mencalonkan peserta berdasarkan kategori seperti yang dinyatakan pada lampiran A. Maklumat lanjut pertandingan boleh diperoleh melalui pautan :
<https://tinyurl.com/pertandinganTVPSSKebangsaan24>



4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu Dr./YBrs. Dr/ Tuan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih. Maklumat lanjut berkaitan program boleh diperoleh daripada **Encik Mohd Azian bin Mohd Sofian di talian 018 988 0974 atau Puan Azatus Sakhia binti Shakir Mashkor di talian 019 5746875.**

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(ANIZA BINTI KAMARULZAMAN)
Pengarah
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Senarai Edaran

1. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
2. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
3. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
4. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
5. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
6. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
7. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
8. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
9. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
10. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
11. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
12. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
13. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
14. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan WP Labuan
15. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan WP Kuala Lumpur
16. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan WP Putrajaya



TERMA DAN SYARAT PENYERTAAN PERTANDINGAN VIDEO TV PSS TERBAIK

1. Pertandingan ini adalah berkumpulan empat orang, yang terdiri daripada kru penghasilan video iaitu pengarah, pengacara, jurukamera dan penyunting.
2. Satu penyertaan sahaja bagi setiap kategori iaitu :
 - i) Sekolah Rendah
 - ii) Sekolah Menengah
3. Tema adalah **Lestari Alam Sekitar atau Pendidikan Berkualiti atau Gaya Hidup Sihat.**
4. Penghasilan video mestilah dalam Bahasa Melayu sahaja.
5. Setiap video penyertaan mestilah mematuhi format TV PSS seperti yang dinyatakan dalam KIT TV PSS Kebangsaan.
6. Durasi video:-
 - Tidak melebihi 5 minit, bentuk penghasilan video adalah bebas (dokumentari/ temubual/ tutorial/ PDPc dan lain-lain) sama ada di dalam atau di luar sekolah.
7. Mesej amat dititikberatkan.
8. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya hasil karya yang dikemukakan tidak asli atau diplagiat serta gagal mematuhi syarat pertandingan.
9. Hasil produksi yang dikemukakan mestilah yang direkod pada tahun ini.
10. Bahan video yang dihasilkan hendaklah tidak menyentuh sensitiviti keagamaan, perkauman, politik atau merendahkan martabat mana-mana komuniti dan kumpulan tertentu serta tidak menyinggung mana-mana pihak.
11. Penggunaan runut bunyi, muzik, animasi, gambar, logo dan lain-lain media hak cipta serta tanda perniagaan tanpa kebenaran adalah dilarang.
12. Hak cipta video adalah hak milik Kementerian Pendidikan Malaysia dan Sinar Bestari. KPM dan Sinar Bestari berhak menggunakan produksi tersebut seperti menerbitkan, mengeluarkan, memaparkan, mengedarkan, menyunting semula dan menayangkan semua hasil karya yang dihantar di laman sesawang, pameran, mana -mana platform media atau media sosial Kementerian Pendidikan Malaysia, Sinar Bestari untuk tujuan promosi dan sebagainya.
13. Cara penghantaran penyertaan adalah menggunakan borang yang disediakan di pautan : <https://tinyurl.com/pertandinganTVPSSKebangsaan24>
14. Keputusan panel hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.
15. Tarikh akhir menghantar pencalonan peserta adalah sebelum atau pada **1 Oktober 2024.**



TERMA DAN SYARAT PENYERTAAN PERTANDINGAN GURU TV PSS TERBAIK

1. Pemilihan Guru TV PSS Terbaik adalah berdasarkan penglibatan aktif guru dalam TV PSS.
2. Penyertaan terbuka kepada guru-guru sekolah KPM.
3. Aspek penilaian adalah seperti berikut:-
 - Penglibatan dalam jumlah episod TV PSS.
 - Tahap penglibatan TV PSS (antarabangsa/kebangsaan/negeri/daerah/sekolah)
 - Kejayaan yang dicapai dalam aktiviti TV PSS dan video (Johan/ Naib Johan/ Tempat Ketiga/ Saguhati/ Penyertaan) peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
 - Keistimewaan calon (keterlibatan dalam peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan, antarabangsa dan NGO)
 - Impak penglibatan.
4. Bukti penglibatan dan pencapaian boleh ditunjukkan dengan cara yang sesuai sama ada menggunakan Powerpoint, Video, Word atau lain-lain.
5. Cara penghantaran penyertaan adalah menggunakan borang yang disediakan di pautan : <https://tinyurl.com/pertandinganTVPSSKebangsaan24>
6. Tarikh tutup penyertaan pada **1 Oktober 2024**.